

Beri pada lebih layak sesuai dengan syarat *istito'ah*

# 463 tolak bantuan kewangan penuh haji

KOSMO 3/11/2023 M/S:6

Oleh NUR FATIN ZAHRA

**KUALA LUMPUR** – Lembaga Tabung Haji (TH) meraikan 463 jemaah haji musim 1443H dan 1444H yang menolak Bantuan Kewangan Haji dalam usaha mendapatkan haji mabrur selari dengan syarat *istito'ah* bagi rukun Islam kelima itu.

Seramai 67 orang daripada kalangan B40 dan M40 menolak Bantuan Kewangan Haji secara total dan membayar penuh kos haji sebanyak RM30,850 bagi musim haji lepas.

Sebanyak 396 jemaah haji lagi telah membayar RM1,000 hingga RM12,000 lebih daripada kadar bayaran haji ditetapkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, apabila jemaah haji menolak bantuan tersebut, secara tidak langsung ini dapat membantu TH dalam menyalurkannya kepada rakan-rakan seagama yang lain bagi menunaikan ibadah haji.

"Pada masa sama, ia juga dapat menerapkan kesedaran dan kefahaman dalam jemaah akan konsep kemampuan atau *istito'ah* dalam ibadah haji.

"Dengan pengorbanan jemaah haji bagi kedua-dua tahun ini, diharapkan agar Bantuan Kewangan Haji yang diberikan oleh TH boleh disampaikan kepada mereka yang layak dalam kadar jumlah yang munasabah dan ihsan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Majlis Penghargaan TH kepada Jemaah Haji 1444H/2023M di Menara TH Tun



**MOHD. NA'IM** (dua dari kiri) pada sidang akhbar selepas Majlis Penghargaan TH kepada Jemaah Haji 1444H/2023M di Kuala Lumpur semalam.

Razak, di sini semalam.

Dalam pada itu, seorang pensyarah universiti awam, Prof. Dr. Ishak Arif, 57, berkata, keputusannya untuk menolak Bantuan Kewangan Haji adalah kerana menginginkan keberkatan ketika menunaikan ibadah tersebut.

"Saya percaya, dengan menolak bantuan tersebut, Allah SWT akan menggantikannya dengan sesuatu yang lebih baik. Pada waktu itu, saya cuma berharap dengan keputusan ini, proses ibadah haji saya sebelum, semasa dan selepas dipermudahkan oleh Allah.

"Saya sudah mula bekerja dan menyimpan dalam TH sejak berusia 22 tahun. Saya percaya jika kita ada lebihan, kalau dikongsi bersama, kita tidak akan rugi. Semua ini saya lakukan untuk memperoleh keberka-

tan haji," katanya kepada Kosmo! ketika ditemui.

Seorang suri rumah, Mazni Kasman, 37, memberitahu, dia mengambil keputusan tersebut setelah hampir dua tahun giliran untuk menunaikan haji tertangguh.

"Jika tidak, saya berpeluang tunai haji pada tahun 2020. Tetapi disebabkan pandemik, giliran saya dan suami ditangguh. Jadi, suami saya pasang hajat, jika dapat pergi, kami akan bayar penuh.

"Alhamdulillah, pada tahun tersebut, kami ada rezeki lebih dan mampu membayar. Ketika menunaikan haji, saya rasa semuanya aman dan damai. Saya rasa tenang kerana pada waktu itu, bilangan jemaah haji dikurangkan kerana Covid-19," katanya.